

PEMBANGUNAN MAPAN DAN KEUTUHAN JATI DIRI DALAM MASYARAKAT MELAYU-ISLAM: ISLAMISASI ILMU SEBAGAI PENYELESAIAN

SUSTAINABLE DEVELOPMENT AND INTEGRITY OF IDENTITY IN MALAY-ISLAMIC SOCIETY: ISLAMIZATION OF KNOWLEDGE AS A SOLUTION

Solahuddin Abdul Hamid¹

Maizatul Azura Yahya²

Nor Azzuwal Kila³

¹ Professor Madya, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia.

Email: solah@uum.edu.my

² Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia.

Email: maizatul@uum.edu.my

³ Calon Program Doktor Falsafah, Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia. Berkhidmat sebagai guru di Sekolah Kebangsaan Dato' Wan Kemara Changloon Kedah.

Email: azwakila@yahoo.com

Article history

Received date : 16-11-2021

Revised date : 17-11-2021

Accepted date : 29-12-2021

Published date : 30-12-2021

To cite this document:

Hamid, S. A, Yahya. M. A. Kila, N. A. (2021).
Pembangunan Mapan Dan Keutuhan Jati Diri Dalam
Masyarakat Melayu-Islam: Islamisasi Ilmu Sebagai
Penyelesaian. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial*
(JOSSR), 4(13), 125 - 134.

Abstrak: *Melayu dari sudut maknawi yang bersifat ilmiah dan historis adalah beragama Islam, berbahasa Melayu dan beradat resam Melayu. Pengaruh Islam sangat signifikan dalam mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku mereka. Islam juga bertindak sebagai faktor penentu kepada pembinaan tradisi budaya Melayu yang gemilang selama lebih dari enam abad. Namun, penjajahan dalam tempoh masa yang panjang secara perlahan-lahan telah menindas, menyisih dan menyebabkan kehancuran budaya, sikap mental, kehilangan identiti, harga diri dan kurang semangat dalam kalangan mereka akibat tekanan struktural yang diciptakan oleh kaum kolonial yang bersilih ganti. Sistem pendidikan Barat moden (sekular) warisan penjajah yang dipraktikkan pada hari ini tidak mampu mengembalikan kegemilangan masyarakat Melayu-Islam bersama jati diri mereka. Ini kerana, meskipun setiap sistem pendidikan sama ada Islam, sekular, sosialis dan kapitalis cenderung untuk membangunkan perkara yang sama iaitu kognitif, psikomotor dan afektif dalam diri manusia, namun konsep pembangunannya adalah berbeza antara satu sama lain kesan daripada perbezaan ontologi tentang kejiwaan manusia, pertentangan epistemologi ilmu dan kepelbagaian metodologi pembangunan yang digunakan. Seharusnya ia hendaklah berteraskan kepada sistem pendidikan Islam yang bersepadu sifatnya dan terbentuk daripada falsafah serta kerangka Islam sendiri berasaskan sumbernya yang bersifat mutlak. Seterusnya, ia menjadi nilai dan falsafah hidup seseorang bagi membentuk dengan sikap dan cara pekerjaannya.*

Kata kunci: *Pembangunan, Krisis Jati Diri, Melayu-Islam, Kesepaduan Pendidikan*

Abstract: *Malays from a meaningful point of view that is scientific and historical are Muslims, speak Malay and have Malay customs. The influence of Islam is very significant in influencing their thoughts and behavior. Islam also acted as a determining factor in the construction of a glorious Malay cultural tradition for more than six centuries. However, colonization over a long period of time has slowly repressed, marginalized and caused cultural destruction, mental attitudes, loss of identity, self-esteem and lack of enthusiasm among them as a result of the structural pressures created by the alternating colonial races. The modern (secular) Western education system of colonial heritage that is practiced today is not able to restore the glory of the Malay-Muslim community with their identity. This is because, although every education system whether Islamic, secular, socialist and capitalist tends to develop the same thing i.e. cognitive, psychomotor and affective in human beings, yet the concept of its development is different from each other the effect of ontological differences about human psyche, contradiction the epistemology of knowledge and the diversity of development methodologies used. It should be based on an Islamic education system that is integrated in nature and formed from the philosophy and framework of Islam itself based on its source which is absolute. Next, it becomes the values and philosophy of a person's life to shape with his attitude and way of working.*

Keywords: *Development, Identity Crisis, Malay-Islam, Educational Integration*

Pengenalan

Takrifan Melayu boleh diklasifikasikan kepada dua dimensi utama iaitu perlembagaan dan kelompok etnik atau sosio-budaya. Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Perkara 160 (2) memperuntukkan Melayu sebagai:

Seseorang yang menganuti agama Islam, lazimnya bercakap bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu dan lahir sebelum Hari Merdeka di Persekutuan atau di Singapura, atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura, atau pada hari Merdeka itu, ia adalah berdomisil di Persekutuan atau di Singapura: atau dia adalah keturunan seseorang yang tersebut.

Manakala Melayu dalam takrifan kelompok etnik atau sosio-budaya pula merujuk kepada seseorang daripada sebarang bangsa Melayu dan menganut agama Islam serta mengamalkan adat istiadat Melayu. Secara teorinya, takrifan ini hanya merujuk orang-orang Melayu, namun pada praktiknya ia turut memasukkan pelbagai kelompok etnik Indonesia, darah keturunan Arab dan darah keturunan Keling yang mungkin mengamalkan adat resam masing-masing (Mohd Aris Haji Othman, 1985; Mohd Taib Osman, 1989; Ismail Hamid, 1988; dan Syed Husin Ali, 1975).

Justeru, definisi Melayu dalam konteks tersebut boleh disempitkan atau diperluaskan. Melayu dalam ruang lingkup yang sempit adalah merujuk kepada orang Melayu Johor, orang Melayu Kelantan, orang Melayu Kedah dan sebagainya, manakala kategori yang lebih luas berlaku apabila dimasukkan ke dalam definisi tersebut beberapa suku Indonesia, orang Melayu darah keturunan Arab, orang Melayu darah keturunan Keling dan bangsa-bangsa lain yang memeluk agama Islam, berbahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat orang Melayu (Aris Othman, 1983).

Secara teorinya, implikasi daripada takrifan perlembagaan tersebut menyebabkan seseorang Melayu dari segi undang-undang boleh merupakan sesiapa sahaja, daripada keturunan apa sahaja, asalkan dia beragama Islam, bertutur bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat Melayu (Syed Husin Ali, 1975) di samping menikmati hak-hak istimewa orang Melayu¹ jika dia melaksanakan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Ismail Hamid, 1988). Justeru, untuk mengkategorikan sama ada seseorang itu etnik Melayu atau tidak, ia tidak boleh bergantung hanya pada satu aspek sahaja sama ada dari segi sosio-budaya atau perlembagaan, tetapi seharusnya melalui pertimbangan kedua-dua faktor tersebut.

Konsep Melayu yang difahami dalam penulisan ini tidak dapat dipisahkan daripada tiga kriteria tersebut yang juga bertindak sebagai jati diri dalam kehidupan seharian mereka. Dalam tiga faktor pengukur tersebut, kriteria agama adalah yang paling dominan kerana ia telah, masih dan akan terus memberikan jati diri dan makna hidup kepada umat Islam yang berbahasa dan berbudaya Melayu. Bahasa Melayu menduduki tangga kedua dan berfungsi sebagai alat penyampaian agama, adat resam dan semua perkara lain. Adat resam Melayu ialah faktor yang tidak kurang pentingnya, tetapi ia hanya lebih bermakna jika dilihat daripada sudut agama yang telah memberikan makna diri dan sejarahnya di dunia, malahan menyangkut masa depan insan Melayu pada hari akhirat.

Justeru, artikel ini membincangkan faktor Islamisasi ilmu dalam pendidikan sebagai mekanisme untuk membangunkan semula sosio-ekonomi masyarakat Melayu tanpa meminggirkan jati diri yang menjadi teras dalam membentuk identiti dan pandangan semesta (*worldview*) mereka.

Latar Belakang Permasalahan

Sarjana Islam dan Barat telah berusaha untuk membangunkan perkara yang sama iaitu jiwa manusia. Walaupun matlamatnya sama, namun konsep pembangunan antara kedua-duanya adalah berbeza antara satu sama lain kesan daripada perbezaan ontologi tentang kejiwaan manusia, pertentangan epistemologi ilmu dan kepelbagaian metodologi pembangunan kerohanian manusia. Kepelbagaian cara kerja, tingkahlaku dan pemikiran manusia ini adalah hasil pembawaan dan lingkungan sosio-budaya yang berbeza. Kajian mengenai pembangunan yang dikaitkan dengan nilai-nilai keagamaan umumnya banyak telah dipelopori oleh sarjana sains sosial Barat. Hasil kajian mereka telah banyak memberi sumbangan ilmu kepada masyarakat seluruh dunia termasuk masyarakat Islam sendiri. Dalam hal ini, hipotesis kajian yang dilakukan sudah tentu lebih cenderung mengutarakan beberapa kebaikan khusus tradisi intelektual Barat dengan membezakan agama dan peradaban mereka berbanding manusia lain secara keseluruhannya. Muhammad Naquib al-Attas (1993) menyatakan masyarakat Barat sentiasa berkecenderungan menganggap budaya, tamadun, pengalaman dan kesedaran mereka sebagai yang paling baik, termaju dan merupakan pelopor kebudayaan insan. Manakala bangsa lain secara praktiknya sentiasa ketinggalan di belakang mereka, apabila tiba masanya masyarakat lain bakal menyedarinya dan akan berusaha mencapai pengalaman dan kesedaran yang sama seperti mereka.

¹Berdasarkan Perkara 153 (1&2) Perlembagaan Persekutuan, orang Melayu mempunyai kedudukan istimewa yang menjadi tanggungjawab Yang Dipertuan Agong (YDPA) untuk memeliharanya. Kedudukan istimewa ini meliputi perezapan, perkhidmatan awam, pemberian biasiswa dan lain-lain keistimewaan pelajaran atau latihan yang seumpamanya, dan pemberian permit dan lesen bagi menjalankan perniagaan.

Justeru, perbezaan hasil kajian dari segi terminologi, teori-teori, model dan konsep dianggap sebagai suatu hal yang munasabah berdasarkan perbezaan, pegangan agama, budaya dan latarbelakang ilmu yang mereka miliki. Antaranya, sarjana Barat seperti Weber (2001) dalam *The Protestant Ethics and The Spirit of Capitalism* dan McClelland (1961) dalam *The Achieving Society* telah melakukan penafsiran agama selari dengan tujuan kebendaan serta meletakkan keinginan mengumpulkan kemewahan dunia berasaskan dorongan agama, namun penekanannya lebih menjurus kepada kerja semata-mata dengan mengabaikan ibadat-ibadat kerohanian. Kesudahannya, masyarakat mereka telah terperangkap dalam arus materialisme yang tenat. Semakin bertambah harta kekayaan, semakin berkurangan roh keagamaan yang merupakan asas daya kawalan yang menunjangi kehidupan manusia seluruhnya.

Dalam konteks kehidupan masyarakat Islam pula, mereka kelihatan sangat ketinggalan daripada pelbagai kemungkinan ideal yang dikemukakan oleh agama Islam. Muhammad Asad (1982) dan Syed Omar Syed Agil (1994) sependapat bahawa faktor utama kemunduran sosial dan budaya masyarakat Islam hari ini adalah akibat sikap mereka yang beransur-ansur meninggalkan ajaran agama dan bergantung sepenuhnya kepada falsafah, konsep dan model pembangunan Barat. Islam masih ada pada mereka, tetapi hanya tinggal jasad tanpa jiwanya sahaja. Pandangan tersebut selari dengan Amir Shaqib Arsalan (2004) yang menyatakan, krisis dan tragedi yang menimpa umat Islam masa kini bukan kerana kelemahan sistem Islam, tetapi disebabkan sikap mereka yang telah meninggalkan ajaran Islam dan menggantikannya dengan sistem-sistem manusiawi dari Barat atau Timur. Walaupun tetap menyatakan diri mereka sebagai Muslim, namun tingkahlaku yang dipamerkan jauh menyimpang daripada ajaran Islam.

Wan Mohd Nor Wan Daud (1990) menyatakan, konsep kerja yang semakin berakar umbi dalam masyarakat hari ini kelihatan tidak bersepadu sifatnya, lebih mengutamakan kebendaan dan bersifat anti-intelektual. Sebahagian masyarakat masih lagi menganggap tingkahlaku berhubungan dengan 'agama' adalah amal ibadat, manakala yang berhubungan dengan kehidupan merupakan 'pekerjaan' semata-mata. Manakala Abu Ali Hassan al-Nadwi (1986) menggariskan beberapa kelemahan yang dianggap sebagai bahaya yang dihadapi oleh umat Islam dalam menghadapi cabaran, antaranya kehilangan kesedaran diri, terpedaya dengan bentuk propaganda asing, tunduk kepada kekuasaan, mudah dianiayai, tidak pandai mempelajari daripada peristiwa yang berlaku dan tidak belajar daripada peristiwa-peristiwa pahit. Kemuncaknya, umat Islam tidak mampu mengurus pemerintahan, ekonomi dan masyarakat mereka mengikut acuan agama dan budaya sendiri.

Dalam usaha mengejar pembangunan, Allah S.W.T telah mengingatkan umat Islam supaya tidak terpengaruh dengan tingkah laku orang-orang kafir yang berlebih-lebihan dan hidup di dalam kenikmatan, kesenangan dan kegembiraan (surah *Ali 'Imran* (3):196-198). Sebenarnya, apa yang mereka miliki semuanya akan binasa kerana ia adalah sekadar tipudaya (Ibn Kathir, *t.t.*). Manakala Sayyid Qutb (1992) menyatakan, orang yang berusaha mencari kebaikan dunia sahaja adalah jahil, rendah keperibadian dan wawasan. Seharusnya, tumpuan pembangunan adalah ke arah kebaikan dunia dan akhirat sebagaimana yang dianjurkan oleh sistem hidup Islam yang bersepadu, realistik dan mithali. Manusia mampu untuk hidup sebagai insan yang meletakkan kakinya berpijak di bumi, sedangkan rohnya terbang ke langit. Dalam erti kata lain, kerediaan Allah S.W.T sama ada dari segi matlamat, cara dan tingkahlaku individu hendaklah menjadi matlamat utama dalam merangka pembangunan masyarakat dan negara.

Pembangunan Berdasarkan Tasawur Islam

Aspek pascamoden Barat yang membawa bersama semangat, faham, idea dan tasawur yang amat tidak serasi dengan tasawur dan matlamat peradaban Islam. Ini kerana, peradaban Barat moden merupakan sebuah peradaban yang mengenyahkan Tuhan, sebaliknya lebih memberikan penghormatan tinggi yang kepada kebendaan. Walaupun pembangunan tersebut boleh dibanggakan dalam aspek pencapaian ilmu dan teknologi, tetapi ia muflis dalam elemen moral dan kemanusiaan.

Manakala paradoks dunia Islam ialah ia kaya dengan sumber, tetapi miskin dan lemah dari segi ekonomi. Justeru, terdapat usaha dalam kalangan sarjana Islam untuk menghuraikan secara khusus konsep pembangunan Islam yang sebenarnya berteraskan al-Quran dan Hadith melalui penjelasan secara praktikal oleh para sahabat dan *salaf al-salih* serta membandingkannya dengan perspektif Barat. Antaranya, Muhammad Abdul Manan (1980) mendefinisikan pembangunan ekonomi sebagai satu proses di mana penduduk sesebuah negara atau wilayah menggunakan sumber-sumber yang sedia ada untuk menghasilkan pertambahan dalam pengeluaran barangan dan perkhidmatan per-kapita secara berterusan. Manakala Abulhassan Muhammad Sadeq (1991) menyatakan pembangunan ekonomi dalam Islam merujuk kepada proses pembaikan yang seimbang dan konsisten dalam kesejahteraan manusia dari segi kebendaan dan kerohanian. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1995) pula menekankan bahawa sebarang perubahan, pembangunan dan kemajuan dalam ertikata yang sebenarnya seharusnya merujuk kepada pergerakan secara sedar dan terancang ke arah penghayatan Islam yang lebih murni secara syumul. Definisi beliau adalah selari dengan asas yang telah ditetapkan oleh Muhammad Faruq al-Nabhan (1986) yang mengatakan bahawa pembangunan ekonomi dalam Islam didominasi oleh tiga faktor utama iaitu akidah, syariat dan akhlak. Daripada ketiga-tiga teras ini, lahir nilai-nilai seperti *rabbaniyyah*, *insaniyyah*, *akhlaqiyyah* dan *wasatiyyah* yang bukan sahaja membataskan tujuan ekonomi, malah turut mendorong segala urusan manusia berdasarkan tasawur Islam.

Al-Qaradhawi (2001) menjelaskan, nilai *rabbaniyyah* akan menghasilkan seluruh kegiatan ekonomi dan pembangunan berlandaskan dasar serta matlamat ketuhanan dengan mengelak mencari rezeki dari sumber yang haram atau mengembangkan serta menggunakan semula hasil pendapatan tersebut dengan cara yang haram. Nilai *insaniyyah* adalah manifestasi pelaksanaan nilai ketuhanan yang memuliakan manusia sebagai khalifah di muka bumi. Justeru, pengabdian diri kepada Allah S.W.T merupakan bahagian paling asas dalam fitrah kejadian manusia melalui penghayatan ajaran-ajaran ketuhanan itu dalam konteks kehidupan seharian. Penghayatan tersebut memerlukan pemindahan dari konteks teori kepada praktikal sehingga dia mampu menjalankan kewajipannya terhadap Allah S.W.T, diri, keluarga, manusia dan alam keseluruhannya. Manakala nilai *akhlaqiyyah* menetapkan kesepaduan antara ekonomi dan akhlak dalam seluruh kegiatan ekonomi bermula daripada pengumpulan, pengeluaran dan pengedaran sehingga kepada penggunaan. Kemuncaknya nilai *wasatiyyah* yang bertindak sebagai jiwa sistem ekonomi Islam. Meskipun ia tidak nampak atau dirasakan tetapi padanya terletak rahsia keistimewaan dan kemuliaan diri manusia. Mengorbankan nilai-nilai keutamaan yang diseru oleh agama tidak dibenarkan sama sekali oleh Islam dalam seluruh aktiviti kehidupan manusia.

Dalam erti kata lain, pembangunan mestilah lahir daripada tasawur Islam, bukan Islam yang lahir daripada acuan pembangunan. Manakala perlaksanaannya adalah berteraskan konsep ibadat sebagai memanifestasikan rahsia penciptaan dan fungsi kehidupan manusia di dunia

Metodologi

Artikel ini membincangkan mengenai proses Islamisasi ilmu sebagai mekanisme untuk kesepaduan antara pembangunan yang mapan dan membina keutuhan jati diri dalam kalangan masyarakat Melayu Islam. Asas penulisan ini berdasarkan kepada pandangan bahawa proses transformasi keislaman di Tanah Melayu bukan sahaja dalam konteks kepercayaan mereka, malahan ia turut melibatkan adat dan budaya Melayu. Maka masyarakat Melayu akan kehilangan segala-galanya termasuk keperibadian mereka kerana meninggalkan Islam bererti meninggalkan Melayu itu sendiri. Huraian persoalan teoretikal yang dibincangkan adalah berasaskan piawaian yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan Hadith serta pandangan para sarjana Islam supaya kerangka pemikiran dan perbincangan yang terhasil adalah selari dengan tasawur Islam.

Perbincangan dan Cadangan

Muhammad Nejatullah Siddiqi (2000) menyatakan, jika mahu mencapai perubahan hidup, seharusnya dilaksanakan pendekatan yang sesuai dengan semua aspek kehidupan mereka sama ada ekonomi, politik, sosial dan kerohanian. Ini kerana, kecemerlangan dan keunggulan sesuatu bangsa hanya mungkin tercapai menerusi penghayatan nilai-nilai agama dan budaya sendiri. Hakikat ini turut diakui oleh Drucker (1979) yang menegaskan bahawa sistem pengurusan yang baik dan berjaya ialah sistem yang diasaskan kepada nilai-nilai masyarakat itu sendiri untuk keperluan mereka sendiri. Dengan merujuk Jepun dan German sebagai contoh, Drucker (1992) menyatakan kemampuan kedua-dua negara tersebut bangkit semula selepas menderitai kekalahan paling parah dalam sejarah, bukan kerana mereka telah menukar budaya sendiri, tetapi merubah perilaku mereka.

Menukar budaya sendiri kepada budaya orang lain untuk menjadi lebih maju adalah sesuatu yang perlu dielakkan. Ini kerana, berbeza dengan sains fizikal dan tulen seperti matematik, bidang sains sosial dan kemanusiaan yang melibatkan gelagat dan institusi manusia memang tiada unsur keselarasan dan keserasian secara langsung walaupun memang terdapat sesetengah konsep dan teori sains sosial yang universal. Namun, apabila manusia itu mengambilkira soal agama, budaya, dan kuasa, cerita rasionalnya sudah berubah (Amir Hussin Baharuddin, 2002). Justeru, berdasarkan latarbelakang sejarah, kebudayaan, sikap hidup, aspirasi serta kefahaman masyarakat Melayu sejak zaman-berzaman, maka konsep pembangunan berteraskan prinsip dan nilai-nilai Islam adalah yang paling hampir dengan jiwa Melayu.

Membangunkan Semula Masyarakat Melayu Dengan Islam

Islam menolak secara keseluruhannya apa sahaja penerapan elemen sekular kerana kalau tidak semua, kebanyakan mereka tidak pernah mempraktikkan kehidupan beragama. Muhammad Abdul Manan (1980) menjelaskan, kemungkinan mewujudkan tabiat manusia yang besesuaian dengan pelbagai keperluan pembangunan ekonomi adalah lebih besar di dalam Islam berbanding dengan Barat kerana Islam mengakui wujudnya keperluan hidup yang bersifat metafizikal dan fizikal, mengutamakan kepentingan umum melebihi kepentingan peribadi boleh membawa keselamatan dan ketenangan kepada individu dan keutuhan negara serta pengisian nilai-nilai moral melalui elemen kesepaduan dalam proses pertumbuhan. Islam telah menawarkan konsep pembangunan secara bersepadu dan komprehensif kerana pendekatannya menepati fitrah manusia (surah *al-Rum* (30): 30). Inti kemajuan Islam ialah kekuatan akidah dan akhlak, ilmu dan adab membentuk watak ilmunan dan karyawan, pemimpin dan masyarakat yang peka terhadap faktor duniawi dan ukhrawi, prihatin terhadap pengurusan sumber rahmat dan nikmat dari Allah S.W.T, melakukan dakwah untuk mengajak manusia kembali kepada

fitrah dan memdidik mereka membenci kepada kemungkaran, kefasadan dan kezaliman (Sidek Baba, 2009).

Oleh kerana tasawur Islam adalah bersifat ilmiah, pembentukan pembangunan yang berteraskan tauhid, syariah dan akhlak Islam juga perlu difaham dan diamalkan berdasarkan ilmu yang ditafsirkan dengan sepatutnya. Kerja keras sahaja belum mencukupi jika kemampuan akal tidak dieksploitasi untuk bekerja lebih efisien dan berkesan, malahan berkemungkinan mereka kekal dalam kesusahan hidup (Nik Mohamed Affandi Bin Nik Yusoff, 2001 dan Mohd Kamal Hasan, 2001).

Pendidikan Sebagai Asas

Allah S.W.T membezakan manusia daripada binatang dan pelbagai makhluk-Nya yang lain berdasarkan pemilikan ilmu pengetahuan (Ibn Khaldun, *t.t.*). Melalui *idrak* iaitu sifat ingin tahu (Che Zarrina Sa'ari, 2000), manusia berkeupayaan menyedari dan berfikir terhadap sesuatu yang berlaku di sekeliling melalui pencaindera untuk membolehkan mereka mendapat nafkah hidup, bekerjasama mencapai suatu matlamat bersama saudaranya dan mempelajari tentang Pencipta yang disembah, serta wahyu-wahyu yang diterima oleh para rasul-Nya. Imam Ibn Kathir (*t.t.*) menjelaskan bahawa Allah S.W.T menegaskan dan mengingatkan bahawa Nabi Adam a.s lebih mulia daripada Malaikat berdasarkan ilmu yang baginda memiliki, tidak terdapat seorangpun yang mampu mengetahui sesuatu ilmu kecuali dengan izin serta berdasarkan apa yang telah diajarkan-Nya (surah *al-Baqarah* (2): 31-32).

Omar al-Syaibani (1975) menyatakan, para sarjana pendidikan menetapkan bahawa pendidikan adalah satu proses perubahan yang dikehendaki pada tingkahlaku dan pada kehidupan masyarakat. Jika perubahan ini tidak berlaku, maka pendidikan tidak berhasil dan tidak mencapai maksud yang ditujunya. Dalam usaha membangunkan masyarakat Melayu, tokoh reformis di Tanah Melayu pada akhir abad ke 19M awal abad ke 20M, Syed Syeikh Ahmad al-Hadi atau lebih dikenali sebagai Syed al-Hadi (1907) menekankan bahawa seseorang individu hanya akan dihormati kerana ilmu pengetahuan, tahap intelektual dan keupayaannya untuk bersaing dengan orang lain. Dengan ilmu, individu tersebut juga berkeupayaan untuk mewujudkan kerjasama dengan bangsa yang lebih maju untuk bertukar-tukar pengetahuan dan kepakaran sebagai satu usaha untuk mempelajari sesuatu yang boleh dimanfaatkan daripada bangsa tersebut (Adibah Sulaiman, Mohamad Ezad Azraai dan Nurliayana Mohd Talib, 2016). Justeru, perintah menuntut ilmu pada dasarnya berkaitan dengan peranan manusia di muka bumi kerana setiap usaha seseorang yang disertakan dengan ilmu akan menggabungkan antara dua kebaikan (Mustafa al-Shak'ah, 1991) iaitu kejayaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Benedith dan Weltfish (1961) turut mengakui bahawa asas ilmu pengetahuan menekankan ras tidak menjadi sebab bagi semua prestasi manusia.

Islamisasi Ilmu dan Kesepaduan Pendidikan

Apabila kita berbicara tentang ilmu, tidak dapat tidak kita perlu berbicara tentang tujuan hidup kerana ilmu adalah untuk memelihara kehidupan manusia. Oleh kerana kehidupan manusia sentiasa dikaitkan dengan elemen tauhid, maka ilmu juga mestilah berpaksikan tauhid. Islam menekankan konsep kesepaduan ilmu (*integrated knowledge*), menuntut penganutnya berfikir secara objektif dan membuat kajian secara saintifik sebagai satu cara untuk mengenal Allah S.W.T sebagai pencipta seluruh alam. Rahsia-rahsia yang terdapat dalam alam ini selain untuk manfaat untuk kepentingan manusia, ia juga memberi tanda-tanda kebesaran dan kebijaksanaan Allah SWT. Berdasarkan tasawur Islam istilah '*bacalah*' (surah *al-Alaq*, 96:1) adalah terkait

langsung dengan wasilah mendapatkan ilmu iaitu merujuk kepada tulisan, buku dan sebagainya. Namun perolehan pelbagai ilmu tersebut perlu berpaksikan atas nama '*al-Khaliq*' yang memiliki kesempurnaan *Rububiyah*-Nya baik yang sudah ketahui ataupun belum kita ketahui. Sewajarnya difahami, tuntutan menuntut ilmu bukan sekadar mekanisme menguasai komoditi sosio ekonomi atau memenuhi keperluan spiritual dan meraih kebahagiaan dalam beribadat. Syed Muhamad Dawilah al-Edrus (1993) dalam membincangkan epistemologi ilmu menjelaskan konsep ilmu yang berteraskan agama sewajarnya menjadi falsafah pendidikan. Dalam masyarakat beragama, pendidikan bertujuan untuk menyemai iman yang mantap dalam diri, membina keyakinan yang mendalam kepada Allah S.W.T dan menyuburkan jiwa yang ingin menyumbang kepada bangsa dan negara. Dalam erti kata lain, dalam mencapai pembentukan jati diri bangsa berkompetensi, dasar dan rancangan transformasi yang digagaskan mestilah sentiasa banyak melabur dalam bidang pendidikan insan agar mereka menjadi beradab serta mampu berperanan dalam pelbagai keadaan. Mengamalkan sebahagian daripada sistem Islam tetapi meninggalkan sebahagian yang lain merupakan satu sikap yang terkeluar daripada falsafah, tasawur dan epistemologi agama Islam yang tidak membenarkan berlakunya sebarang pembahagian dalam ajarannya.

Seharusnya budaya ilmu tersebut juga perlu mengimbangi pembahagian antara ilmu kepada *fardhu 'ain* dan *fardhu kifayah* supaya transformasi yang digagas dan direncanakan bergerak selari dengan tugas dualistik manusia sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T. Pembentukan kualiti modal insan bergantung kepada kekuatan ilmu dan kecanggihan ketrampilan yang dimiliki oleh seseorang. Ilmu-ilmu *fardhu ain* seperti akidah, syariah, akhlak dan sebagainya adalah asas untuk melahirkan seorang hamba yang taat dan baik kepada Allah S.W.T manakala ilmu-ilmu *fardhu kifayah* seperti sains, matematik, perubatan, kejuruteraan dan sebagainya adalah bagi melengkapi diri untuk memimpin dan memakmurkan bumi. Melalui sistem pendidikan yang bersepadu, kajian-kajian ilmu *fardhu kifayah* yang dilakukan boleh menerapkan sifat melihat dengan mata hati, berfikir secara mendalam dan kritis untuk melahirkan manusia yang beriman. Oleh itu, ulama yang betul-betul alim dalam Islam juga merupakan seorang yang takut kepada Allah S.W.T (Surah *al-Fatir* (35): 28).

Huraian-huraian di atas menjelaskan bahawa konsep ilmu dalam Islam adalah bersepadu (*integrated knowledge*). Justeru, seluruh perintah, arahan, undang-undang dan peraturannya adalah beroperasi secara bersepadu dalam sesuatu masa. Oleh kerana asas bekerja dalam Islam ialah untuk mendapatkan kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat, maka pemisahan ilmu ekonomi daripada agama adalah tidak mungkin, sama halnya ketidakmungkinan memisahkan manusia daripada rohnya.

Ilmu-ilmu pembangunan adalah sebahagian daripada keseluruhan ilmu agama. Malangnya ramai telah terlupa terhadap ilmu *fardhu ain* kerana terlalu terkejar-kejarkan ilmu *fardhu kifayah* sehingga terperangkap dengan intelektual Barat yang mementingkan ilmu daruri semata-mata dan menafikan kewujudan ilmu *nazari* kerana dianggap tidak saintifik, tidak objektif dan mitos yang mengkhayalkan. Manakala keterbatasan keupayaan akal (surah *al-Isra*' (17): 85) dan kebebasan manusia untuk menggunakannya menyebabkan ia perlu diberi panduan, tunjuk ajar dan bimbingan. Kebebasan yang ada batasan tersebut adalah penting supaya akal dapat berfungsi dengan baik selari dengan asas utama pemikiran epistemologi Islam yang terkandung dalam al-Quran dan Hadith serta dijelaskan secara praktikal oleh para sahabat dan *al-salaf al-salih* (Mohd Fauzi Hamat, 2002 dan Mohd Affandi Hassan, 1990).

Ini kerana, Islam hanya mengiktiraf dua kelompok masyarakat sahaja iaitu masyarakat Islam dan masyarakat jahiliah. Masyarakat Islam ialah masyarakat yang di dalamnya dilaksanakan Islam, akidah, ibadat, undang-undang dan moral berteraskan cara hidup Islam. Manakala masyarakat jahiliah bukanlah suatu zaman yang telah berlalu di dalam sejarah manusia, malah jahiliyah adalah suatu cara hidup, di mana manusia memperhambakan manusia, segala sistem hidup diperolehi daripada manusia yang sama seperti mereka sama ada kefahaman-kefahaman, dasar-dasar, neraca-neraca ukuran, nilai-nilai, peraturan-peraturan, undang-undang, kedudukan-kedudukan dan tradisi-tradisi. Pendekatan Islam juga jelas menolak perbuatan suka meniru-niru. Meskipun meminjam beberapa budaya asing yang baik merupakan gejala yang sihat, namun pergantungan secara mutlak terhadap budaya asing merupakan tanda kehancuran sesuatu bangsa.

Rumusan

Berdasarkan perbincangan di atas, program dan rangka pembudayaan dalam kalangan masyarakat Melayu seharusnya dibina berteraskan budaya, etos kerja, prinsip berdasarkan nilai-nilai yang paling hampir dengan jiwa mereka iaitu Islam. Sekular Barat mempunyai kekurangan yang besar kerana tidak berpegang kepada sebarang nilai mutlak, malah semua nilai termasuk spiritual dianggap nisbi (relatif). Malangnya, konsep pembangunan yang semakin berakar dalam masyarakat hari ini kelihatan tidak bersepadu, mengutamakan kebendaan dan bersifat anti-intelektual. Islam bukanlah agama untuk orang yang jahil. Masyarakat Melayu seharusnya sentiasa menyegarkan pengetahuan berkaitan Islam dan tasawur Islam terhadap dunia di samping berwaspada terhadap tafsiran-tafsiran palsu, sentiasa meningkatkan taraf pengetahuan tentang Islam dan tasawur Islam yang betul sehingga apa sahaja ilmu yang diperolehi sentiasa seimbang dan tepat dengan sumber pengetahuan Islam. Namun, hasil perbincangan ini juga bukanlah jawapan terakhir terhadap permasalahan yang ada, tetapi ia lebih merupakan satu langkah yang awal ke arah tujuan akhir yang akan dicapai.

Rujukan

- Agil, S. O, S. (1994). "Model Pembangunan Barat Meragukan" dalam Syed Omar Syed Agil dan Salina Haji Zainol (peny), *Islam dan Cabaran Era Baru* Kuala Lumpur: IKIM.
- Ali, S. H. (1975). *Orang Melayu: Masalah dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Adabi Sdn. Bhd.
- Arsalan, A. S. (2004). *Limadha Ta'akkhar al-Muslimun wa Limadha Taqaddam Ghayruhum*. Beirut: Mansurat Dar Maktabah al-Hayah.
- Asad, M. (1982). *Islam at the Crossroad*, c. 14. Gibraltar: Dar al-Andalus.
- al-Attas, S. M. N. (1995). *Prolegomeno to the Metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- al-Attas, S. M. N. (1993). *Islam and Secularism*, Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Baba, S. (2009). *Acuan Minda*. Shah Alam: Alaf 21 Sdn. Bhd.
- Baharuddin, A. H. (2002). "Sains Ekonomi Dalam Realiti Malaysia Suatu Penilaian Kritis, Siri Syarahan Umum", *Syarahan Umum Perlantikan Profesor*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Benedith, R. dan Weltfish, G. (1961), *The Races of Mankind*. United States: Public Affairs Committee.
- Daud, W. M. N. W. (1990). "Budaya Kerja Bersepadu" dalam Shafie Hj. Mohd. Salleh *et al.* (eds.) *Kecemerlangan Pentadbiran Dasar dan Amalan Dalam Islam*, Kuala Lumpur: INTAN.

- Daud, W. M. N. W. (2007). *Masyarakat Islam Hadhari, Satu Tinjauan Epistemologi dan Kependidikan ke Arah Penyatuan Pemikiran Bangsa*, c. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Drucker, P. F. (1974). *Management: Tasks, Responsibilities, Practices*, London: Heinemann.
- Drucker, P. F. (1992). *Managing For The Future: The 1990s And Beyond*, New York: Dutton.
- al-Edrus, S. M. D. (1993). *Epistemologi Islam: Teori Ilmu Dalam al-Quran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa.
- Hamat, M. F. (2002). "Pembangunan Minda Ummah Berasaskan Asas Utama Pemikiran Epistemologi Islam: Satu perbincangan", *Jurnal Afkar*, bil 15, Julai, h, 36.
- Hamid, I. (1988). *Masyarakat dan Budaya Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan, M. K. (2001). "Worldview Orientation and Ethics: A Muslim Perspective", dalam Khaliq Ahmad et al. (eds.) *Ethics in Business and Management, Islamic and Mainstream Approach*. London: ASEAN Academic Press.
- Ibn Kathir, I. U. K. (t.t.). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, j. 2, Beirut: Dar Ihya' al-Thurath al-'Arabi.
- Ibn Khaldun. (t.t.). *Muqaddimah*, Kaherah: Dar al-Sha'b.
- Manan. M. A. (1980). *Islamic Economics: Theory and Practice*, Delhi: Idarah-I Adabiyat-I Delli.
- McClelland, D. C. (1961). *The Achieving Society*. New York: Collier-MacMillan
- al-Nabhan, M. F. (1986). *Abhath fi al-Iqtisad al-Islam*. c. 1. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Othman, A. (1983). *The Dynamics of Malay Identity*, Monograph 7, Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.
- Osman, M. T. (1989). *Malay Folk Beliefs*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman, M. A. H. (1985). *Identiti Etnik Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- an-Nadawy, A. H. (1986). *Apa Derita Dunia Bila Islam Mundur*. Johor Bharu: Thinkers Library Sdn. Bhd.
- Sa'ari, C. Z. (2000). "Epistemologi Islam Menurut Ibn Khaldun", *Jurnal Usuluddin*, 12, Dis 2000, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya, h. 81.
- Sadeq, A. M. (1991). *Economic Development in Islam*, c. 2. Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- al-Shak'ah, M. (1991). *al-Aimmah al-Arba'ah*, c.3. Kaherah: Dar al-Kitab al-Misri.
- Siddiqi, M. N. (2000). *The Economic Enterprise in Islam*, c. 2, Lahore: Islamic Publications Ltd.
- Sulaiman, A., Azraai, M. E. dan Talib, N. M. (2016). Konsep Ilmu Menurut Perspektif Syed Sheikh Ahmad al-Hadi, *Islamiyyat*, 38 (2), pp. 93-102.
- Perlembagaan Persekutuan*. (1996). Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Yusoff, N. M. A. N. (2001). *Islam and Wealth, The Balanced Approach to Wealth Creation, Accumulation and Distribution*. Subang Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd.